

**CABARAN-CABARAN KERJAYA WANITA
DALAM INDUSTRI-INDUSTRI PEMBUATAN**

NOR IFFAH MOHD TAIB

Laporan Kajian Kes ini dikemukakan Sebagai memenuhi
Sebahagian daripada syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

**Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

MEI, 2001

DEDIKASI

*Buat Suami Yang Tercinta, Zamudin Abd Maulud:
Kasih Sayang Abang Tiada Penghujungnya,
Pengorbanan Abang Tiada Nilainya....*

*Buat Bonda Yang Tersayang, Fatimah Abdullah:
Yang Sentiasa Bersabar Mengasuhku,
Yang Sentiasa Mendorongku Berdikari*

*Buat Ayahanda Yang Kusanjungi, Mohd Jaib Kidam:
Yang Telah Mengorbankan Setiap Keringat,
Untuk Ku Berjaya Hingga Ke Hari Ini*

*Buat Kekanda & Adinda Yang Kukasihi:
Moga Hidup Kita Akan Diberkati Dan Diredai Allah*

*Buat Semua:
Terima Kasih Di Atas Segalanya,
Tiada Harta Di Dunia Ini Yang Setara Nilainya
Dengan Kasih Dan Cinta Kalian.*

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.....

Alhamdulillah, setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran bagi Allah S.W.T kerana dengan izinnya dan limpah rahmatnya, kajian kes ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

Jutaan penghargaan diberikan kepada penyelia, Pn. Anika Zafiah Mohd Rus di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, galakan serta teguran yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini. Tanpa bimbingan yang konsisten daripada beliau mustahil kajian ini dapat dihasilkan sebegini rupa.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada penilai iaitu Pn. Halizah Awang kerana sudi melapangkan masa dan memberi pandangan. Ucapan terima kasih juga setiap wakil dari JVC iaitu En. Zahari, dari Sony En. Suhaimi dan dari Canon En. Rosli yang bekerjasama dalam menyiapkan kajian ini.

Tidak ketinggalan buat semua housemate tersayang iaitu Nin, Mida, Ina, Su, Yat, Ila dan Erni. Jasa kalian amat dihargai. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang telah memberi semangat dan galakan untuk penulis menyiapkan kajian ini. Semoga Allah memberi ganjaran yang setimpal di atas kerjasama yang diberikan.

Terima Kasih & Wassalam

**NOR IFFAH MOHD TAIB
MT 001308**

ABSTRAK

Sumbangan wanita terhadap ekonomi negara sememangnya tidak boleh dinafikan. Namun begitu kerjaya mereka di peringkat pengurusan tinggi adalah agak berkurangan. Wanita dikatakan mempunyai cabaran-cabaran dalam kerjaya. Wanita seringkali dikatakan mempunyai pelbagai peranan yang menghalang kemajuan kerjaya mereka. Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat persepsi pekerja wanita terhadap cabaran utama yang mereka hadapi dalam mencapai kemajuan dalam kerjaya mereka.

Kajian ini telah dijalankan ke atas 50 orang pekerja wanita di tiga buah kilang elektronik yang berasaskan sektor pembuatan. Data telah dikumpul dengan menggunakan borang kaji selidik yang diedarkan kepada mereka. Data dianalisis dengan menggunakan program statistik versi 10.0 bagi mendapatkan peratusan, purata dan kedudukan mengenai cabaran-cabaran pekerja wanita terhadap kerjaya mereka.

Kajian ini mendapati responden kebanyakannya melihat keluarga, anak, peluang latihan, pencapaian akademik serta pihak pengurusan adalah di antara cabaran yang dihadapi dalam mencapai kemajuan kerjaya. Daripada lima cabaran tersebut, responden melihat pencapaian akademik lebih tinggi adalah merupakan faktor utama bagi mereka mencapai kemajuan kerjaya.

Mereka berpendapat seandainya mereka dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi lagi peluang untuk kenaikan pangkat adalah lebih baik. Peluang latihan yang terlalu terhad merupakan faktor kedua. Peluang latihan yang luas akan memberikan mereka lebih banyak pendedahan dan peningkatan dalam kerjaya mereka. Cabaran dari pihak pengurusan merupakan salah satu dari keadaan yang menyukarkan mereka untuk mencapai kemajuan kerjaya.

Kajian mencadangkan agar kerajaan menyediakan satu polisi insentif khususnya kepada pekerja swasta dalam peluang melanjutkan pelajaran dan memberikan pendedahan terhadap pengetahuan dalam bidang kerjaya yang mereka ceburi. Bagi

peluang latihan, organisasi sendiri perlu mewujudkan satu program yang bermutu yang dapat menghasilkan pekerja yang berkualiti dan di pihak individu pula mereka perlu mencari peluang itu sendiri dalam mempertingkatkan kemahiran diri. Secara tidak langsung dengan kemahiran yang ada skop pekerja tersebut dapat diperluaskan dan mereka boleh mengelakkan dari melakukan pekerjaan yang rutin sahaja. Kajian akan datang juga dicadangkan supaya membuat perbandingan terhadap cabaran yang dihadapi oleh pekerja di sektor swasta dan sektor awam.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

ABSTRACT

It could not be denied that the women had contributed a lot to the development of our country. However, their career opportunities in the higher management levels are still limited. Women said to face of challenges in their career development. The multiple roles carried out by the women are always being perceived as the main constraints that hinder their career development. The objective of this research is to look at the women's worker perception towards the main constraints that they faced in their career.

The respondent of the study were 50 women's worker from three electronic factories related companies in the private sector. Data were gathered through questionnaires that have been distributed among them. Data have been analyzed using statistical package version 10.0 to get the percentages, means and ranks on women's worker perception towards the constraints. This research found that the respondents perceived family, children, training opportunities, academic achievement and management as the constraints they faced in their career development. Out of five constraints mentioned the respondents indicated that opportunity could be considered as a second constraint to their career development. The third constraint mentioned was from the organizational management. The organizations allow very limited career mobility for their employees.

The study recommends that government should provide better policy especially for organizations in the private sector regarding opportunities for higher education regardless of gender. For training opportunities, organization have to develop quality training programs for their employees and the employers themselves should take the initiatives to improve work professionalism.

It also recommended that future research should be conducted on the comparison of career constraints faced by women's worker in the private sector and public sector.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN PENYELIA	
	PENGESAHAN PENULIS	i
	DEDIKASI	ii
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	vi
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI GRAF	xi
BAB 1	PENGENALAN	
	1.1 PENGENALAN	1
	1.1.1. Dasar Perindustrian Negara Malaysia	3
	1.1.2. Kemajuan Dan Pencapaian Sektor Perindustrian	4
	1.1.3. Pertumbuhan Dan Perubahan Sektor	5
	1.1.4. Wanita Dan Kerja	7
	1.2 LATAR BELAKANG MASALAH	11
	1.3 PENYATAAN MASALAH	15
	1.4 SOALAN KAJIAN	15
	1.5 OBJEKTIF KAJIAN	16
	1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	17
	1.7 SKOP KAJIAN	17
	1.8 DEFINISI ISTILAH	17



BAB	PERKARA	MUKA SURAT
------------	----------------	-------------------

BAB 2	SOROTAN PENULISAN	
--------------	--------------------------	--

2.1	PENGENALAN	19
	2.1.1 Makna Kerjaya	21
	2.1.2 Cabaran Kerjaya	22
2.2	CABARAN KELUARGA	23
2.3	CABARAN ANAK	25
2.4	CABARAN PELUANG LATIHAN	26
2.5	CABARAN PENCAPAIAN AKADEMIK	27
2.6	CABARAN PIHAK PENGURUSAN	26
2.7	RUMUSAN	30

BAB 3	METODOLOGI	
--------------	-------------------	--

3.1	PENGENALAN	31
3.2	REKABENTUK KAJIAN	32
3.3	RESPONDEN ATAU SUMBER DATA	33
3.4	INSTRUMEN KAJIAN	33
3.5	KAEDAH ANALISIS DATA	35
	3.5.1 Peratusan	36
	3.5.2 Penganalisaan Skor Item	37
3.6	BATASAN KAJIAN	37
3.7	ANDAIAN KAJIAN	38

BAB 4	ANALISIS DATA	
--------------	----------------------	--

4.1	HASIL KAJIAN	39
	4.1.1 Latar Belakang Responden	39
	4.1.2 Pencapaian Pendidikan Responden	44
	4.1.3 Profil Pekerjaan Responden	44

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	4.1.4 Pekerjaan Dan Pendapatan Suami Responden	50
	4.1.5 Peranan Wanita Sebagai Isteri	51
	4.1.6 Peranan Wanita Sebagai Ibu	53
4.2	PERSEPSI RESPONDEN TERHADAP CABARAN KEMAJUAN KERJAYA	57
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	PENGENALAN	61
5.2	RUMUSAN	62
5.3	CADANGAN	64
	BIBLIOGRAFI	67
	LAMPIRAN	73

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Perangkaan utama bagi perindustrian separa konduktor dan komponen elektrik dan alat radas perhubungan 2001(Apr)	6
1.2	Anggaran penyertaan wanita dalam tenaga pekerja mengikut tahun	8
1.3	Pengagihan jawatan mengikut gender di sebuah syarikat	13
3.1	Kaedah analisis data melalui soal selidik	36
3.2	Pengiraan skor untuk Skala Likert	37
4.1	Taburan responden mengikut umur	40
4.2	Taburan responden mengikut negeri asal	40
4.3	Taburan responden mengikut tempoh perkahwinan	42
4.4	Taburan responden mengikut bilangan anak	42
4.5	Taburan responden mengikut pencapaian pendidikan	44
4.6	Taburan responden mengikut tempoh pekerjaan	46
4.7	Taburan responden mengikut jawatan kerja	46
4.8	Taburan responden mengikut pendapatan bulanan	48
4.9	Taburan responden mengikut sebab memilih pekerjaan sekarang	48
4.10	Taburan responden mengikut pendapatan suami	51
4.11	Taburan responden mengikut masa berinterasi dengan suami	53
4.12	Taburan responden mengikut pembantu rumah	55
4.13	Taburan responden terhadap cabaran kemajuan kerjaya	57

SENARAI GRAF

NO. GRAF	TAJUK	MUKASURAT
4.1	Peratus responden mengikut kumpulan	41
4.2	Peratus asal responden mengikut negeri kelahiran	41
4.3	Peratus responden mengikut tempoh perkahwinan	43
4.4	Peratus responden mengikut bilangan anak	43
4.5	Peratus responden mengikut pencapaian pendidikan	45
4.6	Peratus responden mengikut tempoh pekerjaan	47
4.7	Peratus responden mengikut jawatan	47
4.8	Peratus responden mengikut pendapatan bulanan	49
4.9	Peratus responden mengikut pendapatan suami	52
4.10	Peratus responden mengikut masa berinterasi dengan suami	52
4.11	Peratus responden mengikut pembantu rumah	56



BAB I

Pengenalan



PTIPATHAM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Aspirasi negara yang diilhamkan dalam Wawasan 2020 ialah pencapaian taraf sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020. Ini bermakna kemajuan penuh dalam semua aspek kehidupan termasuk dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan. Menurut Wawasan 2020, hasrat mencapai taraf yang benar-benar maju hanya boleh dicapai dengan mengatasi sembilan cabaran strategik yang telah ditentukan.

Kemajuan keupayaan Sains dan Teknologi (S & T) adalah cabaran yang keenam di antara sembilan cabaran yang disenaraikan. Malaysia mesti mempunyai keupayaan untuk memaju dan menyelaraskan sumber-sumber S & T yang ada dalam negara supaya mencapai hasrat menjadikan “Malaysia sebuah masyarakat yang berasaskan sains dan yang progresif, iaitu satu masyarakat yang berdaya cipta dan berpandangan jauh, sebuah masyarakat yang bukan sahaja dapat memanfaatkan teknologi masa kini tetapi turut menjadi penyumbang kepada kemajuan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan” (Mohammad Asri, 1997).

Matlamat meningkatkan keupayaan S & T berasaskan kepada hasrat untuk membentuk satu ekonomi yang cekap teknologinya mampu melakukan penyesuaian, pembaharuan dan pelaburan yang berteknologi intensif dan bergerak ke arah penggunaan teknologi yang canggih terutama dalam sektor perindustrian. Takrif perindustrian umumnya ialah meliputi aktiviti pembuatan, pembinaan, perlombongan, kuari dan perkhidmatan. Perindustrian dalam erti yang terbatas merujuk kepada industri pembuatan.

Namun demikian, adalah sukar untuk memberi definisi yang tepat kepada istilah perindustrian kerana terdapat ahli-ahli ekonomi yang menyamakan perindustrian dengan perkilangan dan ada pula mereka yang berpendapat kedua-dua istilah ini berbeza walaupun mempunyai makna yang sama (V. Kanapathy, 1970). Suatu perkara yang jelas, perindustrian merangkumi konsep yang luas. Murry Bryce menyebut:

“Perindustrian bukan sekadar mempunyai kaitan dengan pertumbuhan perkilangan, tetapi infrastruktur seperti kuasa elektrik dan pengangkutan yang sangat diperlukan dalam membantu pertumbuhan sektor perindustrian.”

Menurut takrif yang dimuatkan dalam Akta Penyelarasan Perindustrian Malaysia 1975, perindustrian bererti:

...the making, catering, blending, orgamenting, finishing or otherwise treating or adapting any article or substance with view to its use, sale, transports, delivery or disposal and includes the assembly or ports and ship repairing but not include any activity normally associated with retail or whole sale trade.

Takrifan itu menunjukkan konsep perindustrian mempunyai skop yang lebih luas daripada perkilangan, malahan perkilangan hanyalah salah satu daripada cabang perindustrian. Perkilangan merujuk khusus kepada kegiatan memproses bahan mentah atau memasang komponen tertentu bagi menerbitkan barangan siap atau separuh siap, iaitu aktiviti yang lebih menekankan kepada pengeluaran barang pengguna.

1.1.1 Dasar Perindustrian Negara Malaysia.

Kebanyakan dasar perindustrian negara digubal oleh Jawatankuasa Ekonomi, Majlis Gerakan Negara. Kemudian ia diajukan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan kerjasama beberapa pihak yang berkaitan. Di bawah kementerian tersebut, kerajaan menubuhkan Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan (FIDA, sekarang dikenali sebagai MIDA) yang bertanggungjawab membuat dasar-dasar selanjutnya dan seterusnya melaksanakan dasar-dasar tersebut. Tegasnya, dasar perindustrian merupakan satu set keputusan tentang matlamat, strategi dan tindakan dengan penggunaan cara-cara moden, kompleks dan canggih bagi pengeluaran barang-barang.

Selepas kemerdekaan kerajaan cuba memulihkan ekonomi negara selaras dengan matlamat dan manifesto Kerajaan Perikatan tahun 1955 (Loo Sum Yee, 1972). Kerajaan berusaha bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang pesat dan stabil. Diakui bahawa pergantungan terhadap sektor pertanian dan perlombongan tidak akan menjamin pertumbuhan ekonomi. Sektor-sektor ini kurang menggalakkan kerana halangan pengeluaran dan ketidakstabilan harga serta tahap pelaburan yang rendah. Sektor perindustrian dapat meningkatkan produktiviti, menambah peluang pekerjaan dan pendapatan negara serta mencapai pertumbuhan yang tinggi.

Pengalaman negara-negara sedang membangun (NSM), sektor perindustrian berkembang lebih pesat daripada sektor pertanian, iaitu tiga kali ganda di NSM yang berpendapatan rendah dan dua kali ganda di NSM yang berpendapatan sederhana (Asiah Abu Samah, 1978). Di Malaysia, penggubalan dasar perindustrian lebih menjurus ke arah matlamat untuk meningkatkan industri pembuatan,

... usaha-usaha untuk menjadikan sektor perindustrian, terutamanya sektor pembuatan punca utama pertumbuhan ekonomi negara berjalan dengan

lancar. Perindustrian bagi sektor pembuatan akan menjadi tulang belakang ekonomi negara pada masa hadapan, kerajaan akan membuat pengubahsuaian segala dasar dan strategi serta berusaha memperluaskan asas perindustrian dalam sektor pembuatan . ["Ucapan Perdana Menteri di Perasmian Seminar Pelaburan Negeri Johor di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, pada 24 Julai 1989", dalam Ucapan-Ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, 1989, diterbitkan oleh Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri, 1990, h. 108].

Proses perindustrian di negara ini bergerak secara evolusi melalui pelbagai peringkat asas sesuai dengan keperluan semasa ekonomi Malaysia. Ia bermula dengan tahap pemprosesan utama (1950-an), diikuti tahap penggantian import (1958-68), perindustrian berorientasikan eksport intensif buruh (1968-1970-an); dan mulai cenderung ke arah penggunaan teknologi tinggi dan modal besar menjelang dekad 1980-an.

1.1.2 Kemajuan Dan Pencapaian Sektor Perindustrian

Eksport telah memainkan peranan yang semakin penting bagi menjana pertumbuhan ekonomi dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) terutamanya dalam menerajui pemulihan ekonomi keluar dari krisis kewangan. Sektor tersebut telah berkembang pada kadar 16.7 peratus dalam tempoh RRJP2. Sumbangan eksport daripada perkakasan dan peralatan jentera elektronik dan elektrik semakin meningkat iaitu sebanyak 61.6 peratus daripada jumlah eksport pada tahun 2000 berbanding 33.3 peratus pada tahun 1990.

Permintaan yang kukuh terhadap produk ini adalah terutamanya disebabkan oleh kebimbangan terhadap masalah Pepijat Alaf (Y2K), pertumbuhan pesat Internet, telefon mudah alih dan telekomunikasi serta keperluan meningkatkan teknologi bagi tujuan meningkatkan daya saing. Import telah berkembang pada kadar purata 14.7 peratus setahun dalam tempoh RRJP2.

Disebabkan kandungan import yang tinggi dalam struktur pengeluaran, pertumbuhan pesat sektor pembuatan telah menghasilkan import barangan modal yang lebih tinggi sebanyak 12.1 peratus dan barangan perantaraan sebanyak 16.2 peratus.

1.1.3 Pertumbuhan dan Perubahan Sektor

Dalam tempoh RRJP2, sektor pembuatan telah berkembang sebanyak 10.4 peratus setahun dan menerajui pertumbuhan ekonomi. Sektor tersebut telah menyaksikan peningkatan dalam kecekapan pengeluaran dan keupayaan, perkembangan berterusan industri berorientasikan eksport serta pasaran yang lebih pelbagai. Tumpuan yang lebih telah diberikan kepada kualiti dan rekabentuk barangan, automasi dan penggunaan mesin, persaingan harga dan sistem pengedaran. Kemajuan telah dicapai dalam menggalakkan industri berintensif modal dan berteknologi tinggi seperti yang ditunjukkan oleh jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan.

Selaras dengan dasar yang menggalakkan industri berintensif modal, nisbah pekerja bagi setiap RM1 juta pelaburan telah menurun daripada 6.03 pada tahun 1990 kepada 2.62 pada tahun 2000. Subsektor keluaran elektrik dan elektronik telah menjadi lebih berintensif modal terutamanya dalam pengeluaran papan induk komputer, media cakera keras dan wafer silikon. Subsektor tersebut telah mempelbagaikan keluarannya kepada barangan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi terutamanya barangan elektronik pengguna dan industri dan telah mengalami perubahan struktur dalam eksport. Eksport kelengkapan dan komponen elektronik telah berkembang sebanyak 38.6 peratus setahun dalam tempoh 1991-2000 dan melebihi eksport separa-konduktor dari segi kadar pertumbuhan dan saiz.

Peratusan kelengkapan dan komponen elektronik kepada jumlah keseluruhan eksport elektronik telah meningkat daripada 23.9 peratus pada tahun

1990 kepada 57.4 peratus pada tahun 2000, sementara peratusan separa-konduktor telah merosot daripada 76.1 peratus kepada 42.6 peratus. Di samping itu, subsektor bahan keluaran kimia industri dan bahan kimia yang lain merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran sektor pembuatan.

JADUAL 1.1 : PERANGKAAAN UTAMA BAGI INDUSTRI PEMBUATAN SEPARA KONDUKTOR DAN KOMPONEN ELEKTRONIK DAN ALAT RADAS PERHUBUNGAN 2001 (APR)

TEMPOH	BILANGAN PEKERJA BERGAJI PADA AKHIR TEMPOH	NILAI JUALAN PRODUK YANG DIBUAT (RM'000)
2000	305,153	114,008,184
1999	269,120	84,508,364
1998	235,514	67,364,049
1997	250,598	57,868,130
1996	246,708	49,857,224
1995	225,733	46,990,728
1994	195,697	37,594,622
1993	166,783	27,842,478
2001 (Jan-Apr)	289,028	33,821,066
2000 (Jan-Apr)	279,545	32,985,883
2001 Apr.	289,028	7,881,661
Mar.	290,951	8,724,214
Feb.	296,494	8,655,754
2002 Apr.	279,545	8,233,391
Mar.	277,150	9,030,978
Feb.	272,276	7,858,735

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia
Edisi Perangkaan Pembuatan Bulanan (April 2001)

Merujuk kepada jadual 1, kadar bilangan pekerja meningkat setiap tahun . Nilai jualan sektor pembuatan pada bulan April, 2001 meningkat 2.0 peratus atau RM 0.5 billion kepada RM 26.0 billion berbanding dengan RM 25.5 billion pada bulan April tahun lalu. Ini menunjukkan sektor pembuatan semakin mendapat tempat di kalangan pekerja wanita mahupun lelaki.

1.1.4 Wanita dan Kerja

Wanita terdiri daripada hampir separuh penduduk Malaysia. Sumbangan mereka sama ada sebagai isteri, ibu serta pekerja yang mempunyai gaji, di dalam pembangunan bangsa dan negara adalah amat penting. Mereka bukan sahaja memainkan peranan utama di dalam pembentukan generasi akan datang malah merupakan sumber ekonomi yang penting. Laporan Rancangan Malaysia menunjukkan jumlah populasi wanita bertambah daripada 8.9 juta pada tahun 1990 kepada kira-kira 10 juta pada tahun 1995, iaitu pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus setahun dalam tempoh tersebut. Daripada anggaran jumlah penduduk sebanyak 18.4 juta mengikut banci penduduk tahun 1991, kira-kira 9.1 juta adalah wanita. Bilangan wanita yang bekerja dalam tempoh Rancangan bertambah daripada 31.4 peratus pada tahun 1990 kepada 33.7 peratus pada tahun 1995.

Daripada jadual 2 anggaran telah dibuat terhadap penyertaan wanita dalam tenaga pekerja mengikut pekerjaan. Wanita dijangka mempunyai bilangan pekerja 33.7 juta pada tahun 2020 berbanding tahun 2000 hanya 22.6 juta. Dalam tempoh tahun 2000 hingga tahun 2020 dijangkakan wanita bekerja seramai 2.6 juta tahun 2000 bertambah kepada 4.0 juta pada tahun 2020. Mengikut Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang diumumkan pada 3 April, cabaran pertambahan itu disebabkan meningkatnya golongan itu mendapat pendidikan tinggi.

Kadar penyertaan mereka dalam sektor profesional dan teknikal juga dijangka meningkat apabila lebih ramai wanita menyertai secara aktif dalam kegiatan ekonomi. Pelaksanaan sistem kerja yang lebih anjal dan kos hidup yang semakin meningkat turut menjadi tarikan kaum wanita untuk menceburi bidang pekerjaan.

Jadual 1.2: Anggaran penyertaan wanita dalam tenaga pekerja mengikut tahun

	1990	2000	2020
Jumlah	18.0 juta	22.6 juta	33.7 juta
Wanita	8.5 juta	10.6 juta	15.8 juta
Wanita antara umur 15-64 tahun	5.2 juta	6.8 juta	10.0 juta
Wanita bekerja	1.9 juta	2.6 juta	4.0 juta
Sebagai % daripada wanita produktif	(36 %)	(38 %)	(40 %)

Secara amnya, sebahagian besar daripada rakyat Malaysia menerima dan menggalakkan penglibatan wanita di dalam tenaga kerja negara. Oleh yang demikian, kaum wanita di Malaysia berkesempatan bekerja menerusi pelbagai cara dan kapasiti, serta diwakili di dalam kebanyakan sektor ekonomi. Walaupun situasi ini memperlihatkan ikutan yang positif berhubungan dengan kaum wanita dan kerja, namun terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan dan diatasi agar keupayaan kaum wanita untuk bekerja dapat diiktiraf dan dibangunkan dengan sepenuhnya.

Sekiranya dilihat dari konteks nasional, walaupun wanita dianggap sebagai penyumbang penting kepada negara dan ekonomi, namun terdapat beberapa cabaran yang menyekat penglibatan penuh kaum wanita di dalam tenaga kerja ataupun yang menyebabkan hasil kerja mereka tidak diberikan pengiktirafan yang sepatutnya. Isu ketidakseimbangan peluang pekerjaan, pengstereotaipan gender dan tindakan untuk tidak mengiktiraf kerja yang dilakukan oleh kaum wanita di luar persekitaran formal (misalnya pejabat) sebagai kerja, merupakan beberapa isu yang dihadapi oleh kaum wanita yang bekerja.

Sekiranya dilihat dari perspektif yang lebih luas, kesan globalisasi dan liberalisasi ekonomi turut membawa implikasi yang negatif ke atas tenaga kerja wanita di Malaysia. Ini adalah kerana, sekiranya sesebuah syarikat ingin melakukan operasi mengecilkan firmannya sebagai reaksi terhadap keperluan

untuk lebih bersaing di dalam pasaran global, mangsa yang pertama merupakan pekerja wanita. Golongan ini akan diberhentikan ataupun dipindahkan ke pekerjaan yang tidak tetap (casualised employment). Selain daripada itu, pekerjaan yang membayar upah yang rendah pula diberikan kepada pekerja asing yang mewakili golongan bawahan di dalam sebuah negara yang berpendapatan sederhana ataupun tinggi (Mohammad Haji Ikhsan, 1994).

Menurut perangkaan rasmi, kaum wanita mewakili peratus daripada tenaga kerja Malaysia (Rancangan Malaysia Ketujuh). Bagi sesetengah individu, angka ini dianggap dan dilihat sebagai signifikan. Namun, ada yang berpendapat angka ini boleh diperbaiki melalui perubahan definisi istilah kerja dan dengan itu membolehkan lebih ramai wanita memasuki tenaga kerja. Selain daripada itu, kekurangan kemudahan penjagaan kanak-kanak serta masa bekerja yang tidak fleksibel turut menyekat penglibatan kaum wanita di dalam sebarang bentuk pekerjaan.

Sehingga kini, terdapat ramai wanita yang terlibat di dalam berbagai jenis pekerjaan produktif yang tidak formal dan pekerjaan yang reproduktif. Walaubagaimanapun, nilai kerja ini tidak diiktiraf secara rasmi di dalam definisi istilah kerja, mahupun analisa statistik yang melibatkan tenaga kerja. Misalnya, tindakan mengkategorikan wanita seperti golongan surirumah sebagai terletak 'di luar tenaga kerja' yang menurunkan nilai sumbangan mereka di dalam memelihara kesejahteraan bangsa dan negara.

Sekiranya dilihat di dalam situasi pekerjaan yang formal, wanita Malaysia telah mencapai kemajuan yang signifikan. Kadar penglibatan wanita di dalam tenaga kerja telah meningkat daripada 37.2 peratus dalam tahun 1970 kepada 47.1 peratus dalam tahun 1995. Berdasarkan perubahan struktur di dalam ekonomi Malaysia sejak 25 tahun yang lalu, analisa statistik pada tahun 1995 menunjukkan bahawa 30.1 peratus daripada golongan pekerja wanita terlibat di dalam sektor pembuatan dan 15.9 peratus pula terlibat di dalam sektor pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan. Selain daripada itu, perubahan ekonomi

Malaysia kepada sebuah ekonomi yang berorientasikan informasi, telah membolehkan kaum wanita menyertai golongan pekerja kolar-putih (Rancangan Malaysia Ketujuh).

Walaupun terdapat ramai wanita di dalam sektor-sektor ini namun, majoriti pekerja wanita masih menduduki tangga terbawah di dalam hirarki tempat kerja. Di dalam sektor swasta pula, kaum wanita dibayar kurang daripada rakan-rakan sekerja mereka yang terdiri daripada kaum lelaki. Cabaran-cabaran ini menunjukkan bahawa wanita menduduki status sekunder di dalam pasaran buruh, dan penglibatan mereka tidak mendapat pengiktirafan sepertimana yang diterima oleh kaum lelaki.

Peratusan wanita di dalam bidang-bidang profesional, teknikal dan bidang-bidang yang berkaitan adalah lebih tinggi daripada kaum lelaki hanya kerana terdapat ramai wanita yang menjadi guru, jururawat dan setiausaha. Jumlah wanita yang tinggi di dalam pekerjaan-pekerjaan ini boleh dihubungkan dengan jangkaan sosial bagi kaum wanita untuk memegang peranan pembantu daripada peranan utama dan untuk menjadi penjaga dan pendidik. Akibatnya, wanita menjadi setiausaha dan bukan pengarah, jururawat dan bukan doktor serta guru dan bukan jurutera. Jangkaan dan stereotaip sebegini adalah berhubungan secara langsung dengan kadar penglibatan wanita yang rendah di dalam bidang teknikal, dan kadar kemasukan wanita yang rendah ke dalam sekolah-sekolah teknikal (Ainon Muhammad, 1875).

Apa yang lebih menyedihkan ialah walaupun di dalam profesion di mana kaum wanita sepatutnya mendominasi, kaum wanita masih menduduki jawatan yang lebih rendah berbanding kaum lelaki. Keadaan ini jelas menyokong kesimpulan bahawa sumbangan kaum wanita tidak dinilai secara tinggi di dalam tenaga buruh. Contohnya, walaupun wanita mewakili 70 peratus daripada tenaga pengajar, tidak ramai yang dilantik menjadi pengetua sekolah mahupun pegawai.

Situasi begini di Malaysia tidak banyak berubah sejak 20 tahun yang lalu. Kerja rumah masih tidak diiktiraf ataupun dinilai, upah yang diterima oleh kaum wanita tidak sama dengan upah yang diterima oleh kaum lelaki dan peluang latihan dan promosi masih kekurangan bagi kaum wanita. Wanita dan perempuan adalah tertakluk kepada tingkah laku stereotaip yang memaksa mereka mengambil pekerjaan yang dilihat sebagai sesuai bagi kaum wanita di mana pekerjaan-pekerjaan tersebut membayar upah yang lebih rendah berbanding pekerjaan yang bersifat kelelakian. Selain itu, kaum wanita masih dilihat sebagai tidak berkeupayaan menduduki jawatan yang lebih tinggi. Akibatnya, kaum wanita tidak diwakili di dalam peringkat tertinggi di dalam hirarki tempat kerja walaupun di dalam bidang yang didominasi oleh kaum wanita.

1.2 Latar Belakang Masalah

Selepas berlakunya Revolusi Perusahaan di Barat, rumahtangga bukan lagi menjadi pusat yang penting bagi aktiviti pengeluaran dan wanita telah menjadi sebahagian besar dari kuasa buruh yang diperlukan dalam bidang pekerjaan. Peluang-peluang pendidikan yang terbuka luas untuk wanita juga telah mendorong golongan wanita yang tamat sekolah dan universiti untuk mencari pekerjaan yang sesuai, setimpal dengan kelulusan dan pengalaman mereka. Implikasi yang dapat dilihat ialah ramai wanita masa kini telah menjawat berbagai jawatan penting dan pekerjaan profesional di samping itu mereka masih memegang berbagai peranan dalam rumahtangga iaitu sebagai isteri, seorang ibu dan juga pekerja.

Terdapat juga sebilangan wanita yang telah berhenti bekerja setelah mereka berkahwin dan mendapat anak yang pertama, malahan tidak kurang pula bilangan wanita yang masih terus bekerja. Namun kesannya mereka sering menghadapi pelbagai masalah dan cabaran berhubung dengan penggabungan berbagai peranan sebagai seorang isteri, ibu dan pekerja (Mazidah, 1980). Pekerjaan telah mengubah kehidupan

wanita menjadi lebih berdikari dari segi ekonomi, mempunyai gaji sendiri dan kurang bergantung kepada suami mereka tetapi struktur formal yang didapati di tempat kerja telah banyak mengongkong wanita yang bekerja. Wanita yang bekerja terpaksa mematuhi beberapa peraturan seperti masa bekerja yang ditetapkan, tidak boleh membawa anak sesuka hati ketika berada di tempat kerja, dan mereka terikat dan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak majikannya (Strange, 1981).

Seterusnya apa yang dapat diketahui bahawa selain dari peraturan formal dan tidak formal yang dikenakan di tempat kerja, dari kalangan wanita hari ini telah menghadapi masalah dari segi penjagaan anak-anak, kebanyakan wanita yang bekerja telah tinggal di bandar-bandar yang jauh dari kaum keluarga. Jikalau dahulu wanita yang bekerja boleh mengharapkan pertolongan dari saudara mara untuk menjaga anak-anak dan mengendalikan urusan rumahtangga mereka tetapi perubahan telah berlaku di mana wanita yang bekerja dan tinggal di bandar menghadapi masalah (Strange, 1981).

Namun pada realitinya, pengintegrasian wanita dalam pembangunan masih menghadapi banyak cabaran dan rintangan. Cabaran dan rintangan wujud dalam pelbagai bentuk antaranya ialah tanggapan sosial yang meragui kebolehan dan kemampuan wanita untuk memikul tanggungjawab yang berat dan mencabar umpamanya sebagai seorang pemimpin, ketua organisasi yang memiliki kuasa untuk menentukan dasar awam, membuat keputusan dan sebagainya. Sebahagian masyarakat terus menganggap wanita hanya layak memberikan tanggungjawab sebagai penyokong dan pembantu sahaja.

Selain itu kurangnya kesedaran bahawa wujud perbezaan di antara lelaki dan wanita dari segi keperluan dan peranan yang dimainkan dan tanggapan bahawa program pembangunan mempunyai impak yang sama terhadap lelaki dan wanita. Pada hakikatnya impak pembangunan kepada lelaki dan wanita adalah berbeza. Natijahnya terdapat program-program pembangunan yang kurang membawa kesejahteraan kepada wanita dan ada pula memberi kesan yang negatif terhadap wanita. Keadaan ini kerap kali dianggap sebagai "unintended consequences" yang tidak dapat dielakkan. Sebenarnya kesan negatif dapat dikurangkan sekiranya proses perancangan telah mengambil kira

BIBLIOGRAFI

- Aga, S (1984). "Women And Empowerment Strategies For Increasing Autonomy." Washington: Hemisphere Publishing Corporation.
- Ainon Muhammad (1875). "Modenisasi dan Implikasinya terhadap Peranan Serta Fungsi Kaum Wanita." Dewan Masyarakat, Mac : 6-8.
- Aminah Ahmad (1995). "Role Conflict and Coping Behaviour of Married Working Women." *Pertanika: Journal of Social Science and Humanities*. 3. 97 – 104.
- Asiah Abu Samah (1978). "Industrial Development in Malaysia." Kuala Lumpur : Federal Industrial Development Authority [FIDA], Persatuan Sejarah Malaysia, , h. 109.
- Beauvoir, Simon de (1979). "The Second Sex." New York: Random House.
- Betz, N.E and Fitzgerald, L.F (1987). "The Career Psychology of Women." Orlando F.L: Academic Press. 67 – 80.
- Becker, G.S (1997). "Human Capital." Chicago: University of Chicago Press.
- Becker, G.S (1993). "Human Capital." Chicago: University of Chicago Press.
- Cain, G. (1966). "Married Women in The Labor Force." Chicago, USA: University of Chicago. 56 – 89.
- Chi-Ching, Y (1992). "Perceptions of External Barriers and the Career Success Of Female Manegers in Singapore." *The Journal of Sosial Psychology*. 135. 661-674.

- Cecilia Ng Choong sim (1987). "Women's Work in Asia." Serdang: Women's Studies Unit UPM And Malaysia Social Science Association. 23 – 34.
- Cox, T.H.L Harquail, C.V (1991). "Career Paths and Career Success in The Early Stage Of Male And Female MBAs. *Journal of Vocational Behaviour* **39**. 54-75.
- Encle, S. Mackenzie, N. and Tebbutt, M. (1974). "Women and Society: An Australian Study." London: Maloby Press. 98 – 121.
- Epstein, C.F (1973). "Woman's Place. Option and Limits in Profesional Careers." London, England: University Of California Press Ltd. 56 – 77.
- Felmlee, D.H. (1984). "The Dynamics of Women's job Mobility". *Work and Ocupations* **3**. 259-281.
- Fogarty, M., Allen, A.J., I and Walters, P (1971). "Women In Top Jobs." George Allen & UN Win Ltd. 56 – 102.
- Gutek, B., and Larwood, L., (Eds) (1987). "Women's Career Development Newbury Park, C.A: Sage. 77 – 80.
- Hoffman, L. W. and Nye, F. L. (ed) (1975). "Working Mothers." San Francisco: Jossey Bass Publisher. 89 – 96.
- Jamilah Ariffin (1978). "Industrial Development in Peninsular Malaysia and Rular Urban Migration of Women Workers." Impact and Implication. Di X th International Congress of Antropological Science Mimeographed.
- Jones, D. S. (1993). "Survey ResearchMethods." New York: Halt Dinehat and Winston.
- Julia Evetts (1996). "Gender and Career in Science and Engineering." United Kingdom: Taylor Ltd.Uk.

- Johnsrud, L.K. and Heck, R. H (1994). "Administrative Promotion Within A University." *Journal of Higher Education*. **65**. 23-43.
- Kauppinen, K., Haavio-Mannila, E. and Kandolin I. (1989). "Women And Empowerment Strategies For Increasing Autonomy." Washington: Hemisphere Publishing Corporation.
- Khadijah Muhamed (1969). "Wanita Melayu dan Pekerjaan." Tesis M. A. Universiti Malaya.
- Khadijah Muhamed (1980). "Wanita dan Kerjaya." *Dewan Masyarakat*. Ogos, 8 – 10.
- Koenigsberg, J. Garet, M.S, Risenbaun, J.E (1994). "The Effect Of Family On The Job-Exits Of Young Adults." *Work And Accupation*, **21**. 33-63. Sage Publications Lac.
- Loo Sum Yee (1972). "The Development Performance of West Malaysia 1955-1967." Kuala Lumpur : Heinemann Educational Books, , h. 74.
- Mardeson, L. (1978). "Women and Work." *Continuities of the Past and Present*. Kertas Kerja, Second Brenal Conference of the Asian Study Association of Australia.
- Manjulika Koshal, Ashok K. Gupta and Rajindar Koshol (1998). *Women in Managemant Review*, **13**. 1 – 10.
- Martin, L.R. and Morgan, S. (1995). "Middle Manager in banking". *Quarterly Journal of Business and Economics*, **34**. 55 - 68.
- Mazidah Bte Zakaria (1980). "Sikap dan Nilai Masyarakat Mengenai Pergerakan Wanita". *Dewan Masyarakat*. Ogos: 15 – 17.
- Mohamad Asri Abdullah (1997). "Pembangunan Perindustri Di Malaysia, Kemajuan Dan Permasalahan." Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

- Mohamad Haji Ikhsan (1994). "Dilema Wanita Bekerja." Dewan Masyarakat. September : 32-33.
- Mohd Najib Ghafar (1998). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Noor Bin Jais (1996). "Pekerja Wanita Melayu Dan Peranan Di Sektor Korporat: Satu Analisis Konflik Peranan." Master Sains: Universiti Putra Malaysia.
- More, S. G. (1978). "Working Mothers and Their Children, Young Children. New York: Penquin Books. 231 -240.
- Nolan, F. L. (1963). "Rular Employment and Husbands and Wife in F. I. Nye, and L. W. Hoffman, (ed.)." The Employed Mother in America, 241 - 250.
- Powell, K. S. (1963). "Family Variables dalam F. I. Nye and L. W. Hoffman, (ed.). The Employed Mother in America.
- Perlmutter, M. and Hall, E. (1992). "Adult Development and Aging. 2nd Ed. Chichester: Wiley.
- Rahmah Ismail dan Zaini Mahbar (1996). "Wanita dan Pekerjaan." Bangi: Penerbit UKM.
- Ragins, B.R. (1989). "Barriers to Mentoring: The Female Manager's Dilemma. Human Relations. 42. 1 -22.
- Ragins, B.R. and Sudrstrom, E. (1989) "Gender and Power in Organizations." Psychological Bulletin. 105. 51 - 88.
- Rosaldo, M. Z. and Lamphere, L. (ed.) (1974). "Women, Culture and Society. Stanford: Stanford University Press.

- Rosenfeld, R.A. (1980). "Race and Sex Differences in Career Dynamics. *American Sociological Review*, 445. 583 – 609.
- Slavenski, L. (1992). "Career Development: Career Development Professional Practice Area." *Bulletin* (summer): 1 – 3.
- Safiah, Nik (1981). "Wanita Malaysia." Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu Raya.
- Sekaran, Uma (1992). "Research Method For Business of Skill Building Approach." New York: Wiley and Sons Inc.
- Seong Chee Tham (1981). " Sosial Science Research in Malaysia." Singapore: Graham Brash.
- Slocum, W.L, (1966). "Occupation Career: A Sociological Perspective." Chicago: Aldine. 90 – 97.
- Super D.E. and Hall, D.T. (1978). "Career Development: Exploration and Planing *Annual Review Of Psychology*, 29. 257 – 293.
- Strange, H. (1981). "Rural Malay Women in Tradition and Transition." New York: Praeger.
- Stroh, L.K., Brett, J.M and Reilly. And Reilly, A.H. (1992). "All The Right Stuff." *Journal of Applied Psychology*, 77. 251 – 260.
- Sweet. J. (1973). "Women in The Labour Force." New York: The Seminar Press.
- Tharenou, P., (1997). "Managing Career Advancement." *International Review of Industrial And Organization Psychology*. John Wiley and Son Ltd.
- Tuckman, E. R. (1998). "Survey Research Methods." Belmont. C.A: Wodworth.

V. Kanapathy (1970). "The Malaysian Economy, Problems and Prospects." Singapore : Asia Pacific Press , h. 1.

Wazir-Jahen Karim (1989). "The Status of Malay Women in Malaysia: From Culture to Islam and Industrialization." Penang: Universiti Sains Malaysia.

Weller, R. H. (1968). "The Employment of Wives Rote Incompatibility and Fertility." Milbank Memorial Fund Quarterly. 46, pt 1.

Wright J. D. (1987). "Are Working Women Really More Satisfied." Journal of Marriage and The Family. 40, 2, May.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH